مجليس علمو سلطان هاري نفورأن دان بغسا

MAJLIS ILMU 2026

ملايو إسلام براج: توڠكق كداولتن نكارا

MELAYU ISLAM BERAJA: TONGGAK KEDAULATAN NEGARA

سمبوتن ڤراياءن هاري كڤوتراءن
كباوه دولي يڠمها مليا ڤادك سري بكندا سلطان
دان يڠدڤرتوان نكارا بروني دارالسلام ك–٨٠ تاهون

Sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun

Sabtu, 27 Jamadiawal 1448H bersamaan 7 November 2026M
Bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Negara Brunei Darussalam



ملايو إسلام براج: توڠكق كداولتن نكارا

MELAYU ISLAM BERAJA: TONGGAK KEDAULATAN NEGARA

سمبوتن ڤراياءن هاري كڤوتراءن
كباوه دولي يڠمها مليا ڤادك سري بكندا سلطان
دان يڠدڤرتوان نكارا بروني دارالسلام ك–٨٠ تاهون

Sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun

Sabtu, 27 Jamadiawal 1448H bersamaan 7 November 2026M
Bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, Negara Brunei Darussalam

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti
Al-Marhum Pengiran Pemancha
Pengiran Anak Haji Mohamed Alam



TITAH PERUTUSAN

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MAJLIS PERASMIAN
DI MAJLIS ILMU 2025
SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI KEPUTERAAN
BAGINDA YANG KE-79 TAHUN

PADA KHAMIS
3 RABIULAKHIR 1447 HIJRAH/25 SEPTEMBER 2025 MASIHI

PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta gembira melihat Majlis Ilmu terus menjadi tradisi sebagai salah satu acara yang diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan beta. Tidak syak lagi Majlis Ilmu adalah perhimpunan yang membawa rahmat dan berkat kepada kita dan negara kerana ilmu sendiri adalah cahaya. Majlis Ilmu bukan sekadar tuntutan intelektual, malah merupakan satu bentuk ibadat yang boleh mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Tema Majlis Ilmu pada tahun ini ialah 'Negara Ditanai Dengan Sedekah'. Tema ini membawa maksud yang amat mendalam, bahawa sedekah bukan sekadar amalan individu, bahkan ia juga merupakan asas pembinaan sebuah negara. Jika tanah disuburkan dengan tanam-tanaman dan hasilnya adalah buah-buahan dan sayur-sayuran, maka negara pula jika ditanai dengan sedekah, hasilnya adalah keberkatan, keamanan dan kesejahteraan.

Dalam konteks kehidupan bernegara, tidak diragukan sedekah adalah mampu untuk melahirkan masyarakat prihatin dan menghakis sifat mementingkan diri sendiri.

Orang-orang yang bersedekah adalah mereka yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah. Ganjarannya amat besar di sisi Allah sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah, ayat 261 yang tafsirnya:

"Perumpamaan orang-orang yang menafkahkan hartanya pada jalan Allah ialah seperti menanam sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, tiap-tiap satu tangkai pula mengandungi seratus biji. Dan Allah menggandakan pahala bagi siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Luas rahmat dan limpah kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menegaskan bahawa sedekah menyuburkan harta, bukan mengurangkan harta.

Sedekah bukan sahaja dapat membantu golongan yang memerlukan, tetapi juga berfungsi sebagai penolak bala dan ubat penyembuh penyakit, sebagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya: *"Ubatilah pesakit kamu dengan sedekah".*

Pengertian sedekah sangat luas, ia bukan hanya terbatas kepada bentuk harta atau wang ringgit, tetapi juga meliputi semua bentuk sumbangan yang ikhlas kerana Allah termasuk tenaga, ilmu, masa dan juga doa. Malah, menyingkirkan suatu rintangan dari jalan juga adalah sedekah, dan bahkan memberikan senyuman kepada orang lain pun dianggap sedekah, sebagaimana disebut dalam hadis-hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sedekah terbahagi kepada dua, sedekah sunat dan sedekah wajib. Sedekah wajib ialah zakat. Beta pernah menitahkan supaya pengurusan zakat, termasuk cara pengutipan dan pengagihannya, hendaklah diurus dengan sebaik-baiknya. Beta menaruh harapan yang tinggi agar pihak berkepentingan dalam pengurusan zakat dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh amanah, telus dan adil lagi efisien, supaya tidak menimbulkan keresahan masyarakat khususnya kepada mereka yang berhak menerima zakat.

Beta juga ingin menekankan mengenai kepentingan pengurusan wakaf, yang merupakan satu amalan berpanjangan sebagai sedekah jariah. Di era teknologi kini, sedekah boleh dipermudahkan tanpa mengira masa dan tempat melalui pemindahan wang secara dalam talian, kaedah pembayaran digital, aplikasi mudah alih dan seumpamanya.

Kerajaan beta telah pun mewujudkan berbagai-bagai tabung seperti Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid, Tabung Anak-Anak Yatim dan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin. Baru-baru ini Kementerian Kesihatan juga telah melancarkan Tabung Amal Bantuan Pesakit melalui perkhidmatan SMS dan aplikasi MyDst. Semua platform ini diwujudkan bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sedekah atau derma, dan bagi menanam sikap pemurah dalam jiwa rakyat melalui amalan bersedekah.

Akhirnya, beta tidak lupa mengucapkan tahniah kepada penganjur dan semua ahli jawatankuasa yang terlibat. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha yang berkebajikan ini. Aamiin.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Raheem, Allahumma Shalli 'Alaa Sayyidinaa Muhammad, Wa'alaa 'Alihie Wasahbihee Wassallam, beta dengan sukacita melancarkan buku bertajuk: 'Negara Ditanai Dengan Sedekah/**The Country Is Upheld With Charity**', dan sekali gus merasmikan Majlis Ilmu 2025 berserta semua acara di dalamnya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kandungan *Muka Surat*

Sekapur Sirih	1
Huraian Tema Majlis Ilmu 2026	3
Atur cara Majlis Ilmu 2026	12
Biodata Pembentang Kertas Perdana dan Forum Perdana	18
Sinopsis Pameran Majlis Ilmu 2026	26
Gambar-Gambar Ristaan Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025	31
Gambar-Gambar Ristaan Forum Perdana Majlis Ilmu 2025	41
Gambar-Gambar Ristaan Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2025	46
Senarai Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2026	52

Sekapur Sirih

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

الْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَآءِ وَالْمُرْسَلِيْنَ

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِيْنَ

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya jua, kita dapat mengungkayahkan Majlis Ilmu 2026 bersempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-80 Tahun.

Majlis Ilmu menjadi lambang keunggulan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berwawasan dan berteraskan keilmuan. Majlis Ilmu juga merupakan wadah menyebarluaskan pengetahuan dan maklumat yang sangat bernilai dan bermanfaat kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Majlis Ilmu 2026 ini diungkayahkan oleh Jabatan Perdana Menteri bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Mufti Kerajaan. Pada tahun ini penganjur bersama Majlis Ilmu didokong dan disokong oleh Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

Tema Majlis Ilmu 2026 ialah "Melayu Islam Beraja: Tonggak Kedaulatan Negara."

Melayu Islam Beraja (MIB) merupakan falsafah Negara Brunei Darussalam yang diisytiharkan secara rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Pemasyhuran Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 01 Januari 1984. Tema ini membawa pengertian bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang berpandukan kepada ajaran-ajaran lslam yang mana, Raja merupakan Ulul Amri dan pucuk pimpinan tertinggi negara.

Tema ini menghuraikan antaranya tentang Melayu, Islam dan Beraja; Falsafah MIB sebagai pegangan dalam membentuk dasar-dasar pentadbiran negara; Falsafah MIB dalam pendidikan; Falsafah MIB dalam menangani isu-isu politik, keamanan, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran rakyat dan negara; Perpaduan masyarakat melalui MIB dalam memupuk semangat patriotik menyayangi raja dan mencintai negara; dan mengenal pasti cabaran semasa dan akan datang dalam era globalisasi dan kemajuan teknologi, perubahan sosioekonomi, masalah perpaduan dan pengaruh budaya luar bagi menjamin kelangsungan MIB serta memelihara dan mempertahankan budaya dan identiti negara yang melibatkan pihak-pihak berkepentingan di Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan senegara *(whole of nation approach)*.

Pencerahan dan penghuraian tema akan dibentangkan dan dijelaskan melalui Ceramah Khas, Forum Perdana, Ceramah Perdana, Seminar Majlis Ilmu dan Sesi Forum di Daerah-Daerah jua akan turut diungkayahkan dengan mengundang pakar-pakar khusus dalam bidang masing-masing.

Pameran Majlis Ilmu 2026 turut diadakan dan ia mengandungi enam (6) kluster utama iaitu Menghayati Sejarah Negara Melayu Islam Beraja; Mengukuhkan Kesetiaan Kepada Ugama, Raja dan Negara; Mempertahankan Keyakinan Terhadap Nilai-Nilai lslam; Memelihara Keharmonian Sosial; Menghayati Amalan Tradisi Berbaik-baik; dan Menghayati Warisan Budaya dan Tradisi Yang Tidak Bercanggah Dengan Ugama.

Majlis Ilmu pada tahun ini dihasratkan dapat memberi gambaran sebenar kewibawaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja yang melaksanakan ajaran ugama lslam dan mengamalkan nilai-nilai murni lslam yang sebenar dengan mengekalkan sistem pemerintahan Melayu yang dipimpin oleh Raja serta memelihara nilai-nilai luhur bangsa Melayu, bahasa, adat resam dan kebudayaan Melayu yang tidak bercanggah dengan syariat lslam.

Akhirnya, pada kesempatan ini, saya mewakili Penasihat-Penasihat Bersama dan Pengerusi-Pengerusi Bersama sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa serta pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan kerjasama, sumbangan tenaga dan buah fikiran ke arah menjayakan Majlis Ilmu 2026. Penghargaan dan ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada penceramah khas, para penceramah, para panel undangan dan para pembentang yang berkesudian mengongsikan ilmu dan pengalaman masing-masing yang sangat bernilai lagi bermanfaat di Majlis ini.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran pahala dan rahmat yang berlipat ganda atas apa jua kerjasama dan sumbangan yang diberikan oleh semua pihak yang terlibat. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Urustadbir Perkhidmatan Awam)

Selaku
Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2026
Sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
Yang Ke–80 Tahun

Huraian Tema Majlis Ilmu 2026

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِيْنَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِيْنَ

TEMA MAJLIS ILMU 2026

"MELAYU ISLAM BERAJA: TONGGAK KEDAULATAN NEGARA"

Melayu Islam Beraja adalah merupakan falsafah Negara Brunei Darussalam yang telah diisytiharkan secara rasmi semasa pengisytiharan kemerdekaan pada 1 Januari 1984.

Walaupun falsafah Melayu Islam Beraja hanya diisytiharkan secara rasmi pada tahun 1984, namun ianya telah wujud lebih dari 650 tahun yang lalu, iaitu bermula sejak pemerintahan Awang Alak Betatar, Sultan Brunei yang pertama yang memerintah dari tahun 1363 sehingga 1402. Setelah memeluk agama Islam, Awang Alak Betatar menukar namanya kepada Sultan Muhammad Shah, dan semenjak itu lahirlah konsep Brunei sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja dengan tiga (3) komponen asas yang dimanifestasikan dalam Kesultanan Melayu Islam.

Ajaran agama Islam terus berkembang dengan pesat di Brunei, khususnya semasa pemerintahan Sultan Sharif Ali, iaitu Sultan Brunei yang ketiga yang memerintah dari tahun 1425 sehingga 1432. Sultan Sharif Ali yang berasal dari Taif adalah merupakan keturunan Nabi Muhammad ﷺ dan seorang ulama dan pendakwah Islam yang memainkan peranan besar mengukuhkan lagi kedudukan agama Islam di Brunei. Antara bukti tersebut ialah pembinaan masjid pertama di Brunei yang dikenali sebagai Masjid Sultan Barakat dan masjid tersebut dijadikan sebagai rumah ibadat pertama dan pusat pendidikan Islam bagi Brunei ketika itu. Selain itu, kewujudan bangsa dan bahasa Melayu, agama Islam, sistem beraja, tradisi dan undang-undang Islam sebelum tahun 1906 juga membuktikan bahawa konsep Melayu Islam Beraja itu telah wujud sebelum pengisytiharan kemerdekaan tahun 1984.

Falsafah Melayu Islam Beraja menegaskan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang melaksanakan ajaran agama Islam dan mengamalkan nilai-nilai murni Islam yang benar dengan mengekalkan sistem pemerintahan Melayu yang dipimpin oleh Sultan dan memelihara nilai-nilai luhur bangsa Melayu, bahasa, adat resam dan kebudayaan Melayu yang tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Pengertian Melayu dalam Melayu Islam Beraja membawa maksud bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang berdaulat, didukung oleh masyarakat yang bersatu-padu, taat setia dan berpegang teguh kepada nilai-nilai luhur kebudayaan Melayu dan identiti kebruneian yang menjadikan Islam sebagai dasar panduan sama ada dalam politik, pendidikan, perekonomian, perdagangan, perusahaan, kebudayaan, penguasaan sains dan teknologi, pentadbiran dan kehidupan seharian. Justeru, Melayu dalam falsafah Melayu Islam Beraja bukan sahaja mencerminkan identiti bangsa dan negara, bahkan menjadi salah satu tunjang penting dalam mempertahankan kedaulatan, kestabilan dan keutuhan Negara Brunei Darussalam.

Islam dalam Melayu Islam Beraja membawa maksud bahawa agama Islam sebagai agama rasmi Negara Brunei Darussalam diamalkan menurut akidah Ahli Sunnah Waljama'ah dan berpandukan Mazhab Syafi'i. Islam berperanan sebagai panduan lengkap dalam kehidupan individu, masyarakat dan negara, termasuk hubungan manusia dengan Allah, sesama manusia dan alam sekeliling. Islam menjadi asas pembentukan nilai, akhlak, integriti, keadilan dan keharmonian, sekaligus memperkukuhkan identiti, kestabilan dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Beraja dalam Melayu Islam Beraja membawa pengertian bahawa sistem kerajaan atau pemerintahan di negara ini adalah sistem beraja yang menunjukkan kerajaan bersultan dan beraja. Sistem beraja membawa makna Raja atau Sultan adalah pemimpin, pentadbir dan penaung kepada kemaslahatan dan kebajikan rakyat di Brunei. Kewajipan seorang Raja adalah mengendalikan dan menjalankan sistem kerajaan dan pemerintahan dengan cara yang adil dan saksama serta penuh ihsan dan tidak berlaku zalim. Raja merupakan pemegang amanah besar dari Allah Subhanahu Wata'ala yang dituntut untuk mentadbir dan memerintah negara menurut landasan-landasan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Manakala rakyat yang mempunyai seorang raja pula perlu taat dan setia kepada raja yang mana titah raja mesti dijunjung dan dilaksanakan. Hubungan timbal balik di antara Raja yang adil berdaulat dan rakyat yang taat setia adalah merupakan salah satu faktor utama yang menjamin keutuhan sistem beraja di Brunei yang menyebabkan wujudnya kesepakatan, kesatuan dan perpaduan di kalangan rakyat Brunei itu sendiri.

Sebagai kesimpulan, berdasarkan Undang-Undang Perlembagaan Negeri Brunei 1959, Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja dan Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961, Melayu Islam Beraja adalah merupakan falsafah negara yang membawa pengertian bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Melayu yang berpandukan kepada ajaran-ajaran Islam yang mana sultan atau raja merupakan pemerintah tertinggi negara. Falsafah Melayu Islam Beraja mempunyai tiga (3) unsur komponen penting atau integral yang memperakui bahawa:

Melayu adalah hak bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh (7) puak jati bangsa Melayu iaitu Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong yang melambangkan bangsa Melayu yang dinamik dan dominan sebagai sandaran kehidupan beraja, berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.

Islam adalah agama rasmi negara menurut perkara 3 (1) dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam. "Ugama Islam" bermakna Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljama'ah mengikut Mazhab Shafi'i.

Beraja adalah pemerintahan Beraja iaitu Sultan selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat. Kuasa memerintah menurut perkara 4 (1) dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam: Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Baginda memegang amanah Allah bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui titah-titah baginda telah banyak menekankan bahawa falsafah Melayu Islam Beraja adalah pegangan dan panduan amalan cara hidup rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam. Baginda juga sering menasihatkan agar rakyat dan penduduk negara ini terus kekal mengamalkan nilai-nilai murni falsafah Melayu Islam Beraja dalam kehidupan seharian, lebih-lebih lagi kepada generasi muda dan kalangan belia masa kini yang bakal menggalas tanggungjawab kepimpinan negara di masa hadapan.

Di Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Ireland Utara pada hari Ahad, 1 Rabiulawal 1437 bersamaan 13 Disember 2015, bertempat di Hotel Hilton on Park Lane, London, United Kingdom baginda bertitah:

> *"Khusus dalam era hari ini, macam-macam perkara boleh berlaku, yang boleh memalingkan seseorang daripada tanggungjawabnya kepada sesuatu yang tidak berfaedah lagi merugikan.*
>
> *Kewajipan para pelajar tidak ada dua tiga, melainkan cuma satu sahaja, iaitu untuk belajar dan lulus dalam pengajian.*
>
> *Mereka perlu sedar, bahawa mereka adalah aset negara, dan selaku aset, mereka tidak boleh cacat atau susut nilai. Jika aset cacat atau susut nilai, maka itu, bukan lagi bernama aset.*

Para pelajar mesti memahami ini. Mereka mesti betul-betul faham akan kedudukan "sistem nilai". Kita berada di negara orang lain adalah semata-mata untuk mengambil ilmu, bukan untuk mengambil budaya atau cara hidup mereka. Inilah cara yang betul bagaimana kita memelihara dan mempertahankan sistem nilai kita.

Untuk lebih menjelaskan lagi mengenai dengan sistem nilai ini, kita sekarang Alhamdulillah, sedang diberkati oleh Allah dengan sistem Pemerintahan Melayu Islam Beraja.

Melayu Islam Beraja inilah sistem nilai kita. Di manapun kita berada, Melayu Islam Beraja tetap bersama-sama dengan kita. Janganlah ia disembaranakan. Menyembaranakan Melayu Islam Beraja bererti menyembaranakan sistem nilai kita.

Tunjang Melayu Islam Beraja ialah ajaran Islam tulen. Jangan kita berganjak dari ajaran ini. Peganglah ia kuat-kuat tanpa perlu menoleh atau melihat ke mana-mana lagi.

Inilah warisan turun temurun, kita mesti berbangga dengannya."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga pernah menekankan bahawa nilai-nilai murni yang terkandung dalam falsafah Melayu Islam Beraja adalah pegangan dan amalan kita orang Brunei sebagaimana titah baginda semasa Majlis Haflut Takharruj ke-14 Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Titah baginda:

> *"Dalam meraikan pencapaian ini, UNISSA hendaklah terus menerus memperkukuh jati diri para graduannya. Aspek etika, akhlak dan integriti adalah elemen yang menjadi asas kepada setiap bentuk program dan aktiviti di UNISSA. Bahkan, pembudayaan integriti ini juga adalah mustahak diterapkan di institusi pengajian tinggi yang lain. Ia sangat penting untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berkualiti dari segi pengetahuan tetapi juga memiliki sikap dan nilai-nilai murni yang diamalkan. Ini sejajar dengan falsafah Melayu Islam Beraja yang menjadi pegangan dan amalan kita orang Brunei."*

Dalam Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Menyambut Awal Tahun Masihi 2025, baginda menekankan prinsip dan nilai-nilai murni falsafah Melayu Islam Beraja adalah menjadi teras kepada pembangunan negara sepertimana titah baginda:

> *"Di arena antarabangsa pula, Negara Brunei Darussalam akan tetap berpegang kepada dasar luarnya yang menekankan keseimbangan dalam menimbangkan kepentingan serantau dan pembangunan ekonomi.*
>
> *Keahlian dan penglibatan aktif Negara dalam pertubuhan serantau dan antarabangsa seperti ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), adalah mencerminkan komitmen dan sokongan berterusan kita terhadap kerjasama multilateralisme, dan menanai perundangan antarabangsa.*
>
> *Natijahnya, peluang untuk berkembang dan bekerjasama dengan negara-negara jiran adalah terbuka luas. Tinggal saja lagi kita diperlukan untuk lebih bijak mengambil peluang ini dengan sebaiknya, di samping tetap mengekalkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja yang menjadi teras kepada pembangunan negara."*

Berdasarkan ajaran agama Islam, kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam adalah dituntut untuk sentiasa ta'at kepada raja dan terus mendokong kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sepertimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nisa', ayat 59:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنكُمْ ... ﴿النساء: ٥٩﴾

Mafhumnya:
"Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu."

Nabi Muhammad ﷺ sendiri juga telah memerintahkan umatnya untuk sentiasa mentaati para pemimpin atau pemerintah mereka, sehinggakan baginda menegaskan bahawa mentaati pemimpin adalah merupakan ketaatan kepada baginda ﷺ dan sebaliknya menderhakai pemimpin pula adalah merupakan kedurhakaan kepada baginda ﷺ sepertimana sabdanya:

عن أبي هريرة رضي الله عنه أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَن أَطَاعَنِي فقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ، ومَن عَصَانِي فقَدْ عَصَى اللَّهَ، ومَن يُطِعِ الأَمِيرَ فقَدْ أَطَاعَنِي، ومَن يَعْصِ الأَمِيرَ فقَدْ عَصَانِي (متفق عليه)

Maksudnya:
Dari Abu Hurairah radiyallahu 'anhu bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: *"Barangsiapa mentaatiku, maka bererti ia sungguhnya telah mentaati Allah dan barangsiapa yang mendurhakaiku maka bererti ia sungguhnya telah mendurhakai Allah. Barangsiapa yang taat kepada pemimpinnya bererti ia sungguhnya telah mentaatiku dan barangsiapa yang mendurhakai pemimpinnya bererti ia telah mendurhakaiku."* (HR. Bukhari dan Muslim).

Dalam menghadapi perubahan-perubahan dan cabaran-cabaran yang dibawa oleh arus kemajuan dan pergolakan dunia yang semakin tidak menentu pada masa kini, maka kita memerlukan persiapan yang rapi dalam menghadapi sebarang anasir luar yang boleh menggugat dan merosakkan amalan budaya dan nilai-nilai murni yang terkandung dalam falsafah Melayu Islam Beraja yang telah diwarisi dan diamalkan sejak sekian lama. Serangan yang dibawa oleh arus globalisasi sedikit sebanyak akan memberikan impak negatif, khususnya dalam kalangan golongan belia dan generasi muda jika kita tidak membuat benteng sebagai persiapan untuk menapis dan menolak budaya dan amalan yang bertentangan dengan falsafah Melayu Islam Beraja.

Melihat kepada kepentingan usaha secara berterusan dan dedikasi serta komitmen semua pihak dalam memelihara dan memperkukuhkan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan menghadapi ancaman dan cabaran luar agar ianya terus kekal relevan menjadi pegangan dan amalan kita orang Brunei, khususnya di kalangan belia dan generasi muda masa kini yang akan menerajui negara di masa akan datang, maka Jawatankuasa Nara Sumber Majlis Ilmu bagi tahun 2024 hingga 2026 berpendapat tajuk **Melayu Islam Beraja: Tonggak Kedaulatan Negara** adalah sangat bersesuaian dan relevan untuk dijadikan tema Majlis Ilmu 2026.

Sub-tema:

1. Falsafah Melayu Islam Beraja sebagai dasar pentadbiran Negara.
2. Kepentingan dan metodologi pendidikan nilai-nilai murni dan luhur falsafah Melayu Islam Beraja.
3. Falsafah Melayu Islam Beraja sebagai teras kestabilan politik, keamanan, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran.
4. Falsafah Melayu Islam Beraja memupuk semangat patriotik menyayangi raja dan mencintai negara.
5. Melestari dan memperkasa slogan Panji-panji Negara Brunei Darussalam (الدائمون المحسنون بالهدى) Ad-Daa'imuun Al-Muhsinuun bil-Hudaa yang diertikan sebagai "Sentiasa Berbuat Kebajikan dengan Petunjuk Allah".
6. Falsafah Melayu Islam Beraja benteng menangani cabaran era globalisasi, kemajuan teknologi, perubahan sosioekonomi, dan pengaruh budaya luar.

Objektif:

1. Menyemai rasa kasih dan ta'at setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai payung negara.
2. Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai falsafah Melayu Islam Beraja dan kepentingan memelihara dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
3. Membangkitkan kesedaran orang ramai akan tanggungjawab terhadap kepentingan falsafah Melayu Islam Beraja bagi menjamin kestabilan politik, keamanan, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran.
4. Mengenalpasti cara dan kaedah pendidikan yang berkesan dalam menanamkan nilai-nilai murni dan luhur mengikut acuan Melayu Islam Beraja kepada generasi muda.

Jangkaan Dapatan:

1. Membangkitkan rasa kasih sayang dan rasa hormat serta ta'at setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mensyukuri kepimpinan baginda yang bijaksana dalam memelihara keamanan, kemakmuran, kesejahteraan dan kedaulatan negara.
2. Meningkatkan kefahaman dan pengetahuan masyarakat mengenai falsafah Melayu Islam Beraja dan kepentingan mempertahankannya sebagai dasar yang kekal relevan seiring dengan peredaran zaman.

3. Menimbulkan kesedaran orang ramai akan tanggungjawab semua lapisan masyarakat di negara ini untuk terus mendokong falsafah Melayu Islam Beraja dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.
4. Mengenal pasti cara atau kaedah pendidikan yang terbaik dalam menanam nilai dan sikap yang positif kepada generasi muda berasaskan acuan falsafah Melayu Islam Beraja serta meningkatkan kemahiran agar mereka bersedia menghadapi apa jua cabaran di masa akan datang.

Atur cara
Majlis Ilmu 2026

MAJLIS ILMU 2026

ATUR CARA
MAJLIS PERASMIAN MAJLIS ILMU 2026
SABTU, 27 JAMADILAWAL 1448 / 7 NOVEMBER 2026
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS

8.00 pagi : Kehadiran Para Jemputan

8.30 pagi : Kehadiran Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas

9.00 pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja

: Lagu Kebangsaan

: Bacaan Doa Selamat oleh:

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan

: Bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an dan kesimpulannya

: Sembah alu-aluan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu:

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam)

: Titah Perasmian Majlis Ilmu 2026 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan diselajurkan dengan Majlis Pelancaran Buku bertajuk "Sihir Kejahatan Sepanjang Zaman" dan "Bacaan Untuk Mengubat Sihir Dan Merawat Kerasukan"

: Ceramah Khas Majlis Ilmu 2026 oleh:

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan

: Lagu Kebangsaan

: Penandatanganan Lembaran Kenangan, Buku dan Menerima Pesambah

: Santap / Jamuan ringan

: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja dijunjung berangkat menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2026

: Sesi bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2026

: Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis

MAJLIS ILMU 2026

ATUR CARA
FORUM PERDANA MAJLIS ILMU 2026
KHAMIS, 02 JAMADILAKHIR 1448 / 12 NOVEMBER 2026
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA

8.00 pagi : Kehadiran Para Jemputan

8.30 pagi : Kehadiran Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas

9.00 pagi : Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta Kerabat Diraja

: Bacaan Surah Al-Fatihah oleh:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie

: Sembah alu-aluan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2026:

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang)

: Sesi Forum Perdana bermula

Ahli Panel:

Panel 1:
Yang Mulia Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin
Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei
Jabatan Majlis Ugama Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Panel 2:

Yang Mulia Dr Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong
Pengetua Pusat Sejarah Brunei
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Panel 3:

Yang Mulia Dr Awang Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd Yunos
Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei

Moderator:

Yang Mulia Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman
Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah
Kementerian Hal Ehwal Ugama

: Bacaan Doa Selamat oleh:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie

: Sesi bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Kerja Forum Perdana Majlis Ilmu 2026

: Penandatanganan Lembaran Kenangan

: Santap / Jamuan Ringan

: Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis

MAJLIS ILMU 2026

ATUR CARA
CERAMAH PERDANA MAJLIS ILMU 2026
SABTU, 4 JAMADILAKHIR 1448 BERSAMAAN 14 NOVEMBER 2026
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA

8.45 pagi : Kehadiran para jemputan

9.15 pagi : Kehadiran Pembesar-Pembesar Negara dan Jemputan Khas

9.45 pagi : Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman serta Kerabat Diraja

: Sembah alu-aluan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2026:

Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Muhammed Taib
Peguam Negara

: Sesi Ceramah Perdana

: Bacaan Surah Al-Fatihah

: Penandatanganan Lembaran Kenangan

: Menyaksikan Pameran Majlis Ilmu 2026

: Santap / Jamuan ringan

: Sesi bergambar ramai dengan Ahli Jawatankuasa Kerja Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2026

: Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman serta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis

Biodata Pembentang
Kertas Perdana dan Forum Perdana



YANG BERHORMAT
PEHIN DATU SERI MAHARAJA DATO PADUKA SERI SETIA
DR. USTAZ AWANG HAJI ABDUL AZIZ BIN JUNED

MUFTI KERAJAAN
JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Sebelum menjawat jawatan Mufti pada tahun 1994, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned pernah menjawat beberapa jawatan, seperti: Pegawai Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei (tahun 1970), Penguasa Penerangan dan Tabligh (tahun 1971), Pegawai Ugama Kanan (tahun 1976), Timbalan Kadi Besar (tahun 1983), Pengarah Hal Ehwal Syar'iah (tahun 1986) dan Timbalan Mufti Kerajaan (tahun 1989).

Yang Berhormat Pehin mendapat pendidikan awal di Brunei Darussalam; kemudian melanjutkan pelajaran ke Madrasah Al-Juned, Singapura pada 1955; kemudian ke Kolej Islam Malaya pada 1962 dan Al-Azhar, Mesir pada 1968.

Yang Berhormat Pehin adalah Ahli Tetap Yayasan Ali Al-Bait di Amman, Jordan dan Anggota Panel Penasihat Institut Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) serta beberapa keahlian lain dalam Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, antaranya: Ahli Majlis Mesyuarat Diraja (sejak 17 April, 1984); Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja (sejak 1978); Ahli Majlis Mesyuarat Ugama Islam (sejak 1971); Ahli Tambahan Jawatankuasa Kehakiman (1972-1975 dan 1981-1983); Ahli Majlis Lembaga Bandaran (1987-1989); Ahli Jawatankuasa Menyesuaikan Undang-Undang Dengan Kehendak Ugama Islam (sejak 1980); Ahli Majlis Mesyuarat Adat Istiadat (sejak 1989); Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam (sejak 1981); Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Ugama Islam (sejak 1994); Pengerusi Jawatankuasa Mengkaji Barang-Barang Makanan Yang Diharamkan Oleh Syarak (1981- 1991); Ahli Jawatankuasa Penubuhan Tabung Amanah Islam Brunei (1991); Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Badan Syariah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [TAIB] tahun 1995 - Jun, 2008); Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei [TAIB] (1994-1998); Ahli Lembaga Pengarah Bank Islam Brunei [IBB] (1993-2005) dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Badan Syariah Bank Islam Brunei [IBB] (1993-April, 2008); Ahli Majlis Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (1992-2008); Ahli Majlis Institut Pengajian Islam (sejak 1989); Ahli Jema'ah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (sejak 1992); Ahli Jawatankuasa Bagi Menggantikan Cokmar Universiti Brunei Darussalam dengan Mushaf Al-Qur'an Tulisan Tangan (1992); Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta; Ahli Lembaga Penasihat Pusat Dakwah; Timbalan Pengerusi Lembaga Institut Tahfiz Al-Qur'an (1992-Ogos, 2005); Ahli Lembaga Institut Tahfiz Al-Quran (sejak 29 Disember, 2005); Pengerusi Lembaga Tasmie' Tertinggi Menghafaz Al-Quran (sejak 2003); Pengerusi Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Negara Brunei Darussalam (1991-1996); Ahli Majlis Pelajaran Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam (1999-2006 dan mulai 1hb. Mei, 2014 hingga sekarang); Ahli Jawatankuasa Penasihat Orang-Orang Tahanan (sejak tahun 80an-2005); Ahli Majlis Universiti Brunei Darussalam (sejak 1985); Ahli Jawatankuasa Dermasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama (1987-2002); Ahli Lembaga Tertinggi Syariah Yang Mengawal Perjalanan Institusi-Institusi Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam (mulai 25 Februari, 2006); Ahli Majlis Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (sejak 01 Jun 2007); Ahli Majlis Universiti Islam Sultan Sharif Ali (sejak tahun 2011); Penal Penyemak (Masyaikh) Tafsir Darussalam mulai tahun 2007, Penasihat Bersama Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mulai tahun 2024 dan beberapa keahlian lain.

Yang Berhormat telah disampiri gelaran "Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib" pada 26 Mac, 1983, "Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam" pada 06 November, 1984 dan "Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja" pada 09 Mei, 1996. Yang Berhormat Pehin juga dikurniakan beberapa bintang kebesaran dan kehormatan Negara Brunei Darussalam: Bintang Kebesaran Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Ketiga (S.S.U.B) pada tahun 1982, Darjah Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (D.S.L.J) pada tahun 1983, Darjah Seri Ugama Islam Negara Brunei Yang Amat Bersinar Darjah Pertama (P.S.S.U.B) pada tahun 1984 serta Pingat-Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I), Kerja Lama (P.K.L) dan Pingat Hassanal Bolkiah Sultan Darjah Pertama (P.H.B.S) pada 15 Julai, 2010.

Sebagai seorang yang suka menulis, Yang Berhormat Pehin mula berkarya pada tahun 1956. Hasil-hasil tulisan Yang Berhormat Pehin kebanyakannya diterbitkan oleh penerbit dari agensi-agensi kerajaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri di samping turut diterbitkan oleh penerbit/pencetak dari luar negara. Hasil tulisan dan karya yang dibukukan setakat ini berjumlah lebih 50 judul. Diantara buku-buku yang dihasilkan itu ialah: Panduan Menunaikan Fardhu Haji; Menghayati Islam: Ke Arah Pendidikan Akhlak Yang Sempurna; Panduan Cara-Cara Menyembahyangkan Mayat, Kejujuran Asas Kejayaan; Seruan Islam I, II, III & IV; Musuh Islam; Tetamu Allah (tahun 1987); Tetamu Allah II (tahun 1989); Tetamu Allah III Bersama Ahli Kerabat Di Raja (tahun 1993); Al-Mu'min Menjadi Tetamu Allah kali keempat dan Kelima (tahun 1995) dan Islam di Brunei.

Setelah Jabatan Mufti Kerajaan ditubuhkan pada tahun 1994, Yang Berhormat Pehin menghasilkan pula: "Lawatan Negara: Satu Wadah Kerana Allah"; Fatwa Mufti Kerajaan (1994-1995, 1996; 1997; 1998; 1999; 2000; 2001; 2002; 2003; 2004; 2005; 2006; 2007; 2008; 2009; 2010; 2011; 2012; 2013; 2014; 2015; 2016; 2017; 2018; 2019; 2020; 2021; 2022; 2023 dan 2024); Bersama Mufti (1995-1997); Islam Dan Muzik; Buku Mushaf, Tasbih, Tongkat Koleksi Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Bertabarruk Dengan Atsar-Atsar Nabi; Rokok dan Merokok; Jambatan Ke Akhirat; Tsunami Satu I'tibar; Kerasukan: Merawat dan Mencegahnya; Pemedulian Pelanggan Menurut Perspektif Islam; Orang Sembahyang Ditangisi Oleh Tempat Sujudnya; Orang Berbank Kita Juga Berbank; Haji & Umrah; Berubat Dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit; Selesema Babi Kukuhkan Kebenaran Al-Qur'an; Isra' Mi'raj Satu Mu'jizat; Keramat Wali-Wali Allah; Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah Penyelamat Ummah; Hebatnya Guru; Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan; The Shari'ah Penal Code An Introduction; Bandar Seri Begawan Menagih Berkat Dari Langit dan Bumi; Gaya Hidup Sihat dan Permakanan Sihat Menurut Perspektif Islam; Manusia Mencabar Allah; Membaca Nadi Kejayaan Bangsa dan Rawatan & Kesihatan 2; Bahtera Perkahwinan, Memartabatkan Seni Bina Melayu Islam Beraja; Sayangi Ibu Bapa; Meraih Berkat Dalam Pembangunan Sains Dan Teknologi; Raja Melakar Sejarah & The King Who Shapes History; Raja Melakar Sejarah Edisi Kemaskini dan The King Who Shapes History Update Edition; Umara dan Ulama; Covid-19: Apa Kata Mufti? Siri 1; Covid-19 Apa Kata Mufti Siri 2 & 3; Dirgahayu Raja Kita; Long Live Our King; Raja Brunei Pelopor Penggunaan Vaksin Ketuhanan dan Raja Kita Menjiwai "Selawat Senegara"; Raja Kita Pelopor Rawatan Bersepadu Mental; Keutamaan Taubat; Penghayatan Nilai-Nilai Islam Dalam Pasukan Polis Diraja Brunei; Negara Ditanai Dengan Sedekah dan Ayat-Ayat Al-Qur'an Selaku Ruqyah (Jampi) Dan Do'a Penyembuh; Perang Kastila dan Ugama: Satu Analisa; Khutbah `Idul-Adhha 1447H/2026M.

Antara buku Yang Berhormat Pehin dalam bidang sastera ialah Antologi sajak bersama seperti: Laungan, 1966, terbitan Penerbitan Federal Kuala Lumpur; Puisi Hidayat, 1971, terbitan Pusat Dakwah Islamiah; Puisi Hidayat II, 1975, terbitan Pusat Dakwah Islamiah; Pakatan pada tahun 1976; Koleksi Sajak-Sajak Darussalam, 1979, terbitan Syarikat Mega, Brunei, Lagu Hari Depan pada tahun 1980; Puisi-Puisi Nusantara, 1981, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur; Bunga Rampai Sastera Melayu Brunei, 1984, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Memburu Pelangi pada tahun 1992; antologi sastera ASEAN Puisi Moden Brunei, 1994, terbitan The Asean Committee on Cultural and Information; Hasrat Merdeka pada tahun 1995; Anthology Of ASEAN Literatures Modern Poetry of Brunei Darussalam, 1998; Larian Hidup pada tahun 1999 Kembara Merdeka : Dua Dekad Meniti Usia pada tahun 2004 dan Episod Tsunami Peringatan Illahi (Sebuah Iktibar dan Pengajaran) pada tahun 2005; antologi bersendirian: Senandong Anak Watan pada tahun 2000; Dari Jendela Dunia pada tahun 2008; Negara Zikir pada tahun 2010; Melayu Islam Beraja "Mahkota Negara" pada tahun 2011 dan Perintah Qanun Jenayah Syar'iah "NERACA ALLAH" pada tahun 2013; Datangmu Dirindui Pergimu Ditangisi (Kumpulan Sajak) dan Di Mana Pun Adalah Bumi Allah (Kumpulan Sajak) pada tahun 2020.

Hasil tulisan Yang Berhormat Pehin juga pernah termuat dalam jurnal, majalah, dan akhbar seperti : Beriga, Bahana, Bintang Harian, Pelita Brunei, Media Permata dan Teratai (terbitan Brunei), Utusan Kanak-Kanak dan Gelanggang (terbitan Singapura), Utusan Zaman, Berita Minggu, Mastika dan Dewan Masyarakat (terbitan Malaysia).

Disamping itu Yang Berhormat Pehin juga sering menerima undangan Kementerian-Kementerian dan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri untuk membentangkan kertas-kertas kerja di persidangan-persidangan, seminar-seminar, dialog-dialog serta berceramah bagi majlis-majlis bersempena dan juga memenuhi undangan dari luar negeri. Pernah diundang untuk menghadiri beberapa Persidangan mewakili Negara Brunei Darussalam seperti Persidangan Islam Asia Pertama di Karachi, Pakistan; Persidangan Fatwa dan Prinsip-Prinsipnya di Makkah al-Mukarramah; The 15th General Conference of The Royal Aali Al-Bait, di Amman Jordan; Pusat Pengajian Islam, Oxford, United Kingdom; Jamia Markaz International Conference, Calicut, India; jemputan Anugerah Antarabangsa Naif bin Abdul Aziz Al Saud bagi Sunnah Nabi dan Pengajian Islam Kontemporari; Persidangan Sains Bangsa di Dakar, Senegal; Persidangan Persatuan Liga Islam Sedunia, Makkah dan beberapa undangan-undangan lain. Juga diundang menyertai Persidangan Secara Atas Talian (Undangan dari Iran dan Malaysia), diundang juga menyertai Sidang Kemuncak Ulama Sedunia (Secara Fizikal) : Perpaduan Sebagai Asas Pembebasan Palestin Anjuran My Aqsa Malaysia (MyAQSA) Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kesatuan Ulama Muslim Sedunia dan the Global Coalition for Quds and Palestine (GCQP).

Yang Berhormat Pehin juga banyak memberikan ceramah agama dan "Kuliah Subuh" termasuk Rancangan Bersama Mufti melalui Radio dan Televisyen Brunei (RTB) serta di masjid-masjid rasmi kerajaan dan surau-surau di seluruh negara. Juga sering tampil memberikan khutbah di masjid-masjid pada Hari Jumaat, pada Hari Raya 'Idil Fitri dan Hari Raya 'Idil Adha.

Dalam bidang pekerjaan dan penulisan, pada tahun 1993, Yang Berhormat Pehin menerima anugerah ASEAN Cultural Award On Literary Works; tahun 2000 menerima anugerah Penulis Asia Tenggara (S.E.A Write Award), di Bangkok, Thailand; dan pada 11 September, 2007 dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Brunei Darussalam, Anugerah Khas Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 27 Jun, 2011, Anugerah Tokoh Ugama bagi Tahun 1433 Hijrah pada 26 November, 2011 Anugerah Kesusasteraan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Ke-2 pada 25 November, 2013, Anugerah Pendidikan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-25, tahun 2016 dan menjadi penerima Anugerah Sastera Mastera (Brunei Darussalam) oleh Majlis Sastera Asia Tenggara (Mastera) Brunei Darussalam pada 14 September, 2018.

Selain daripada itu, melalui sumbangan buku-buku tulisan Yang Berhormat Pehin (Buku Qanun Jenayah Syar'iah Satu Pengenalan, The Shari'ah Penal Code An Introduction, Neraca Allah dan buku Fatwa Mufti Kerajaan 2013), Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah dinobatkan sebagai penerima **Anugerah Perdana Penerbit Nusantara** oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara Malaysia yang berlangsung pada 17 Safar, 1436 bersamaan 10 Disember, 2014, di Kuala Lumpur, Malaysia. Begitu juga buku Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan ini telah diberi penghargaan sebagai **Buku Terlaris 2014 (Kategori Ilmiah) Semasa Pesta Buku Brunei Dan Karnival Memperkasa Budaya Membaca 2015** Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke 31, Tahun 2015 Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, dan pada 30 April, 2018 buku **RAJA MELAKAR SEJARAH** telah dinobatkan sebagai Penerima Anugerah **BUKU UMUM TERBAIK ASEAN 2018**, sementara buku **THE KING WHO SHAPES HISTORY** juga telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah **TERJEMAHAN TERBAIK ASEAN 2018** Anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara, Malaysia.

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, dilahirkan pada 3 Zulhijjah, 1360 bersamaan 22 Disember, 1941 di Kampung Setia Pahlawan Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajah Maznah binti Haji Muhammad dan dikurniakan 3 orang anak – dua lelaki dan seorang perempuan.



PENGIRAN AHMAD FARIS RAMADHANI BIN PENGIRAN HAJI SELLAHHUDDIN

PEMANGKU SETIAUSAHA MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI
JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

KELULUSAN AKADEMIK

• 2017 — Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Takhassus Al-Qiraat, Al-Azhar

• 2021 — Sijil Latihan Imam, Penda'wah dan Penyelidik Fatwa, Al-Azhar

PENGALAMAN DAN SUMBANGAN

Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin berkhidmat sebagai Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei di Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama sejak 9 Oktober 2025. Beliau mempunyai pengalaman dalam bidang pentadbiran hal ehwal ugama, bimbingan dan latihan serta tugas sebagai imam dan khatib. Beliau dilahirkan pada 8 Mac 1993.

Sebelum memegang jawatan tersebut, beliau berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Bimbingan dan Latihan di Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dari Ogos 2023 hingga Oktober 2025. Beliau turut berkhidmat sebagai Imam dan Khatib di Masjid Omar Ali Saifuddien dan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah sejak tahun 2018.

PENGLIBATAN KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

Beliau pernah menjadi Penceramah Khas Majlis Sambutan Isra dan Mi'raj Peringkat Negara pada tahun 2021 dan 2023. Beliau juga merupakan Penyampai Ibrah Al-Quran di Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 2023 dan 2025.

Di peringkat antarabangsa, beliau merupakan Penyampai Ibrah Al-Quran di Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-65 di Malaysia pada tahun 2025. Beliau turut merupakan ahli International Da'i Forum of Southeast Asia.



DR. HAJI MUHAMMAD HADI BIN MUHAMMAD MELAYONG

PENGETUA PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

KELULUSAN AKADEMIK

• 1977–1980 — Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial dalam bidang Pengajian Melayu, Universiti Singapura

• 1982–1983 — Diploma Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

• 1992–1993 — Sarjana Lanjutan dalam bidang Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia

• 1997–2003 — Doktor Falsafah dalam bidang Sejarah, University of Hull, United Kingdom

PENGALAMAN DAN SUMBANGAN

Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong berkhidmat sebagai Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sejak tahun 2022. Beliau dilahirkan pada 11 Ogos 1957 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Melayu Benutan (1965–1970), Sekolah Tun Seri Lanang, Singapura (1971–1974), serta Sekolah Menengah Sang Nila Utama, Singapura (1975–1976).

Beliau memulakan perkhidmatan dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 9 Jun 1980 sebagai Pegawai Pelajaran di Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien. Pada 21 April 1983, beliau bertukar ke Pusat Tingkatan Enam, Gadong dan pernah menjawat jawatan Timbalan Pengetua. Pada tahun 1986, beliau berpindah ke Sekolah Menengah Berakas sebagai Timbalan Pengetua dan turut memangku jawatan Pengetua.

Pada 1 Ogos 1986, beliau menyertai Pusat Sejarah Brunei sebagai Penolong Ketua Unit Penyelidikan, sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Unit Penyelidikan pada 1 Mei 1992 dan ditetapkan dalam jawatan Timbalan Pengetua pada 1 Julai 1997. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri pada 30 Mac 2009 dan berkhidmat sehingga 10 Ogos 2012. Dari tahun 2012 hingga 2018, beliau memegang jawatan Ketua Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja.

PENCAPAIAN DAN PENGLIBATAN ANTARABANGSA

Penyelidikan beliau merangkumi pengumpulan dan penelitian bahan sejarah Brunei di institusi pengajian tinggi dan arkib di negara-negara ASEAN, United Kingdom serta Amerika Syarikat. Beliau turut menulis dan membentangkan kertas kerja dalam seminar dan persidangan di dalam serta luar negara.

Selain itu, beliau menyertai bengkel, dialog dan mesyuarat di peringkat kebangsaan serta serantau, termasuk Jawatankuasa ASEAN mengenai Kebudayaan dan Penerangan (COCI), Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN yang Bertanggungjawab bagi Penerangan (AMRI) serta Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan ASEAN yang Bertanggungjawab bagi Penerangan (SOMRI).

PENERBITAN BUKU

Beliau menghasilkan beberapa buku yang diterbitkan oleh Pusat Sejarah Brunei, Jabatan Penerangan serta Dewan Bahasa dan Pustaka di Negara Brunei Darussalam dan Kuala Lumpur, Malaysia.

Antaranya ialah Catalyst Towards Victory, Sultan Haji Hassanal Bolkiah: Penegak Warisan Melayu, Mutiara Bangsa: Melayu Islam Beraja, Menjejaki Sejarah Keturunan Orang-Orang Brunei di Natuna, Perkembangan Politik Dalam Zaman Pemerintahan Sultan Haji Omar ʻAli Saifuddien, Chronicles of the Loss of Territory (edisi terhad) dan Asal-Usul Tasik Merimbun.



DR. HAJI MOHD ROZAN BIN DATO PADUKA HAJI MOHAMED YUNOS

YANG DI-PERTUA PERSATUAN SEJARAH BRUNEI
PENGURUS PENYUNTING QASRUN NAFIS
PUBLISHING HOUSE

KELULUSAN AKADEMIK

• Ijazah Sarjana Muda Sastera Kepujian Bersama dalam Undang-Undang dan Ekonomi (Bachelor of Arts Joint Honours in Law and Economics), Keele University, United Kingdom

• Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Master of Business Administration), Edinburgh Business School, Heriot-Watt University, United Kingdom

• Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam (Master in Public Administration), Harvard Kennedy School of Government, Harvard University, Amerika Syarikat

• Doktor Falsafah dalam Tadbir Urus Islam, Institut Pengajian Dasar, Universiti Brunei Darussalam

PENGALAMAN DAN SUMBANGAN

Dr Haji Mohd Rozan bin Dato Paduka Haji Mohamed Yunos ialah Yang Di-Pertua Persatuan Sejarah Brunei dan Pengurus Penyunting Qasrun Nafis Publishing House. Beliau dilahirkan pada 10 Julai 1963 di Seria, Kuala Belait dan berkhidmat dengan Kerajaan Brunei Darussalam dari tahun 1987 hingga 2017.

Dalam perkhidmatan awam, beliau pernah memegang jawatan Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Kementerian Pembangunan. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Kewangan serta memegang jawatan pengarah di Tabung Amanah Pekerja, Bahagian Institusi Kewangan di Kementerian Kewangan, Bahagian Tadbir Urus di Jabatan Perdana Menteri dan Centre for Strategic and Policy Studies.

PENCAPAIAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA / ARTIKEL YANG DITERBITKAN

Beliau memiliki dan mengurus Qasrun Nafis Publishing House serta Qasrun Nafis Consultancy and Training Services. Beliau juga mengajar sebagai Profesor Adjung dan Pensyarah di universiti tempatan mengikut keperluan, termasuk subjek Kepimpinan bagi program Doktor Pentadbiran Perniagaan (Doctorate of Business Administration) di Universiti Teknologi Brunei.

Beliau merupakan jurulatih bertauliah di bawah HRDC, Kementerian Sumber Manusia Malaysia, ahli Lembaga Muzium Brunei serta Jawatankuasa Perhubungan Awam Persatuan Bolasepak Brunei Darussalam. Beliau turut menganggotai lembaga editorial beberapa jurnal dan menjadi penaung Jurnal Susurgalur.

Beliau menghasilkan lebih 30 buku dan lebih 300 artikel mengenai sejarah, warisan, budaya serta tadbir urus. Antaranya ialah Our Brunei Heritage (2011), The Golden Warisan Brunei Darussalam (2014), The Golden Islamic Heritage of Brunei Darussalam (2017) dan Brunei the Origins (2019). Penulisan beliau turut diterbitkan dalam The Brunei Times dan Beriga.

Beliau turut menulis mengenai tadbir urus Islam, pelaksanaan dasar kerajaan berasaskan Maqāṣid Sharīʿah serta pendekatan senegara.

Beliau diundang membentangkan kertas kerja di Thailand, Malaysia, Indonesia dan Filipina. Sumbangan beliau turut merangkumi penulisan mengenai nama tempat di Brunei bagi seminar United Nations Group of Experts on Geographical Names (2013) serta penulisan bersama mengenai perancangan strategik dalam CSPS Strategy and Policy Journal (2016).



HAJI AHMAD ABDUSSALAM BIN HAJI ABD RAHMAN

PEMANGKU PENGARAH PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

KELULUSAN AKADEMIK

• 1996 — Sarjana Muda Usuluddin dalam bidang Hadith, Universiti Al-Azhar

• 2003 — Sarjana Usuluddin dalam bidang Hadith, Universiti Jordan

PENGALAMAN DAN SUMBANGAN

Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd Rahman sekarang berkhidmat sebagai Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Beliau dilahirkan pada tahun 1973 dan mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan ugama serta pengajaran bidang Usuluddin.

Beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Ugama di Pusat Da'wah Islamiah pada tahun 1997 hingga 2000. Beliau kemudian berkhidmat sebagai Tutor Usuluddin di Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddien, Universiti Brunei Darussalam pada tahun 2000 hingga 2003, sebelum menjadi Pensyarah Usuluddin di institusi yang sama pada tahun 2003 hingga 2008.

Dari tahun 2008 hingga 2016, beliau berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali. Beliau seterusnya kembali berkhidmat di Pusat Da'wah Islamiah sebagai Pegawai Ugama Kanan pada tahun 2016 hingga 2024. Pada tahun 2024, beliau dilantik sebagai Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah dan mula memangku jawatan Pengarah pada tahun 2026.

PENCAPAIAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA / ARTIKEL YANG DITERBITKAN

Pada tahun 2013, beliau bersama Dr Hajah Hanan binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz menerima Anugerah Kertas Kerja Terbaik bagi "Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal" dalam ISLAC 2013 anjuran UniSZA, Terengganu, Malaysia.

Antara pembentangan beliau ialah "Brunei Darussalam Negara Zikir: Hasrat Sultan Haji Hassanal Bolkiah" dalam ACIS10 di Banjarmasin, Indonesia (2010), kertas mengenai metodologi pendidikan Ulum Hadis dalam Seminar Pendidikan Usuluddin Ketiga Peringkat Serantau (2014), serta "eTarbiyah Muallaf: Satu Alternatif Bimbingan Muallaf" dalam Konferensi Antarabangsa Islam Borneo ke-12 (2019).

Beliau turut membentangkan "Peranan Pusat Da'wah Islamiah dalam Mendukung Amalan Munajat" pada Majlis Ilmu 2023 serta "The Role of Islamic Da'wah Centre in The Da'wah Movement in Brunei Darussalam" dalam Persidangan Dakwah Serantau ke-10 di Perlis, Malaysia (2024), yang disediakan bersama Md Asrul Nizam bin Haji Ahmad.

Penulisan beliau merangkumi kertas bersama Mohd Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yussof mengenai peranan sains dalam memahami hadith tentang proses kejadian manusia (2014), artikel bersama "Quranic Manuscripts in the First Century of Hijrah" dalam Jurnal KIAS (2015), serta "Munajat dengan al-Quran" dalam Himpunan Tazkirah Malam Munajat terbitan Pusat Da'wah Islamiah (2022).

Beliau menjadi hakim musabaqah Al-Quran dewasa dan belia peringkat akhir kebangsaan sejak tahun 2010 serta Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara pada tahun 2011, 2013 dan 2015. Beliau juga menganggotai Jawatankuasa Pakar Rujuk Ejaan Jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka sejak tahun 2017.

Beliau turut menjadi pentazkirah Sambutan Awal Tahun Hijrah 1438H di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah (2016), ahli panel forum MABIMS mengenai dakwah semasa pandemik COVID-19 (2021), serta khatib Khutbah Hari Raya Idul Fitri 1446H di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (2025).

Sinopsis Pameran
Majlis Ilmu 2026

SINOPSIS PAMERAN MAJLIS ILMU 2026

Pameran Majlis Ilmu pada tahun ini mengetengahkan usaha yang berterusan daripada kementerian-kementerian dan sektor swasta bagi mengukuhkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai tonggak kedaulatan negara. Bertemakan konsep digital dan interaktif, pameran ini dibahagikan kepada enam kluster utama, iaitu Menghayati Sejarah Negara Melayu Islam Beraja; Mengukuhkan Kesetiaan kepada Ugama, Raja dan Negara; Mempertahankan Keyakinan terhadap Nilai-Nilai Islam; Memelihara Keharmonian Sosial; Menghayati Amalan Tradisi Berbaik-baik; dan Menghayati Warisan Budaya dan Tradisi yang tidak bercanggah dengan ugama Islam. Tema bagi enam kluster ini merupakan elemen MIB yang menjadi tonggak kepada kedaulatan Negara Brunei Darussalam.

Melalui pameran ini juga menunjukkan rasa kasih dan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai payung Allah di bumi Brunei Darussalam terus disemai dan diperkukuhkan. Selain itu, pameran ini turut berperanan sebagai wadah untuk mengukuhkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai konsep MIB dan kepentingannya dalam memelihara dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian. Malah, pameran ini juga dapat memperkaya persepsi masyarakat bahawa MIB bukan hanya terbatas kepada nilai-nilai murni, tradisi, adat dan warisan budaya semata-mata, bahkan merupakan satu falsafah kenegaraan yang menjamin kestabilan politik, keamanan, kemajuan, kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran negara.

KLUSTER 1: MENGHAYATI SEJARAH NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)

Kluster ini mempamerkan sejarah bermulanya MIB di Negara Brunei Darussalam. MIB diisytiharkan secara rasmi sebagai falsafah negara pada 1 Januari 1984. Namun, sejarah membuktikan bahawa MIB di Negara Brunei Darussalam mula diterapkan sejak pemerintahan Sultan Brunei yang pertama, iaitu Sultan Awang Alak Betatar yang telah memeluk agama Islam sehingga dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah pada tahun 1368M. Dari sejak itu, terbentuklah pemerintahan yang bercorak Kesultanan Melayu Islam. Pameran dalam kluster ini dipersembahkan oleh:

- Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja

KLUSTER 2: MENGUKUHKAN KESETIAAN KEPADA UGAMA, RAJA DAN NEGARA

Kluster ini menunjukkan pengukuhan kesetiaan kepada ugama, raja dan negara yang merupakan nilai MIB: menekankan hubungan erat antara rakyat dengan institusi pemerintahan, serta tanggungjawab bersama dalam mengekalkan keamanan, kestabilan dan kemajuan negara; dan kesetiaan yang utuh dalam kalangan rakyat dan penduduk merupakan antara tonggak ke arah kedaulatan negara. Oleh itu, pameran dalam kluster ini mempamerkan usaha dalam memastikan jentera kerajaan dan seluruh rakyat serta penduduk berpegang teguh kepada ajaran ugama Islam, taat setia kepada raja dan negara yang dikasihi, serta menanai tinggi konsep Melayu Islam Beraja. Pameran dalam kluster ini dipersembahkan oleh:

- Jabatan Perdana Menteri
- Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

- Kementerian Pendidikan
- Jabatan Mufti Kerajaan
- Pusat Sejarah Brunei

KLUSTER 3: MEMPERTAHANKAN KEYAKINAN TERHADAP NILAI-NILAI ISLAM

Selepas kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984, kedudukan agama Islam semakin diperkukuhkan melalui pelbagai dasar dan institusi negara yang menyokong pembangunan kehidupan berteraskan nilai Islam. Kluster ketiga mempamerkan usaha mempertahankan cara hidup bermasyarakat dan bernegara yang bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunah Waljamaah. Pameran dalam kluster ini dipersembahkan oleh:

- Kementerian Hal Ehwal Ugama
- Kementerian Kesihatan
- Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri
- Bank Islam Brunei Darussalam
- Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

KLUSTER 4: MEMELIHARA KEHARMONIAN SOSIAL

Di Negara Brunei Darussalam, keharmonian sosial ialah hasil daripada pengamalan nilai-nilai MIB yang menekankan perpaduan, toleransi dan kesejahteraan bersama. Keharmonian sosial mewujudkan suasana kehidupan yang aman, mengurangkan konflik, saling menghormati antara satu sama lain dan memperkukuhkan hubungan sesama manusia. Pameran dalam kluster ini mempamerkan usaha dan inisiatif kerajaan dalam menjaga keharmonian sosial yang menjadi sebahagian daripada tonggak pembangunan dan kedaulatan negara secara menyeluruh dan dipersembahkan oleh:

- Kementerian Kewangan
- Kementerian Pertahanan
- Kementerian Pembangunan
- Majlis Ugama Islam Brunei
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Sistem Kebajikan Negara (SKN))

KLUSTER 5: MENGHAYATI AMALAN TRADISI BERBAIK-BAIK

Sifat amalan berbaik-baik merupakan amalan masyarakat Brunei dan berperanan penting dalam mewujudkan keharmonian sosial, memperkukuhkan perpaduan serta mengekalkan kestabilan negara. Budaya hormat-menghormati dan berbaik-baik ini turut menjadi asas dalam hubungan diplomatik Negara Brunei Darussalam dengan negara serantau dan antarabangsa,

selaras dengan pendekatan diplomasi yang mengutamakan persefahaman, kerjasama dan hubungan persahabatan yang berkekalan. Selain itu, dalam era digital dan kecerdasan buatan yang berkembang pesat telah mengubah cara manusia berinteraksi, berkomunikasi dan memperoleh maklumat. Apakah sifat amalan berbaik-baik ini dihayati dan diamalkan dalam ruang digital? Pameran dalam kluster ini dipersembahkan oleh:

- Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
- Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

KLUSTER 6: MENGHAYATI WARISAN BUDAYA DAN TRADISI


Menghayati warisan budaya dan tradisi yang tidak bercanggah dengan ugama merujuk kepada segala bentuk nilai, adat, bahasa, kesenian, institusi dan amalan kehidupan masyarakat Brunei yang diwarisi daripada generasi terdahulu serta selaras dengan konsep MIB, iaitu, budaya Melayu yang diamalkan selaras dengan nilai keislaman dan menghormati sistem beraja. Kluster ini mempamerkan warisan budaya dan tradisi dalam kehidupan masyarakat Brunei dan dipersembahkan oleh:

- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

KESIMPULAN

Pameran Majlis Ilmu 2026 memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai peranan MIB sebagai asas pembentukan identiti kebangsaan, pembangunan negara dan kedaulatan Negara Brunei Darussalam. Menerusi pameran ini juga, masyarakat akan lebih memahami bahawa MIB bukan hanya tertumpu kepada nilai-nilai murni, adat dan tradisi semata-mata, bahkan merangkumi nilai yang lebih luas seperti kesetiaan kepada ugama, raja dan negara, keyakinan terhadap nilai-nilai Islam, memelihara keharmonian sosial, penghayatan amalan tradisi berbaik-baik serta penghayatan warisan, budaya dan tradisi yang tidak bercanggah dengan agama Islam. Kesemua nilai ini saling melengkapi dalam membentuk masyarakat yang bersatu padu, berakhlak mulia dan beridentiti kebruneian.

Diharapkan pameran ini dapat meningkatkan penghargaan masyarakat terhadap usaha berterusan negara bagi memastikan konsep MIB terus relevan, dihayati dan diamalkan oleh generasi masa kini dan akan datang, selain menyemai rasa bangga, tanggungjawab dan komitmen serta pengukuhan jati diri masyarakat untuk terus menghayati dan mengamalkan nilai-nilai MIB dalam kehidupan seharian.



Gambar-gambar Ristaan
Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025

MAJLIS ILMU 2025

Sempena Keberangkatan
Pada Majlis Perasmian Majlis Ilmu 2025



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni
Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

سمڤنا سمبوتن ڤراياءن هاري كڤوتراءن
كباوه دولي يڠمها مليا ڤادك سري بكندا سلطان دان يڠدڤرتوان
نكارا بروني دارالسلام ك-٧٩ تاهون

Khamis, 3 Rabiulakhir 1447H bersamaan 25 September 2025M








MAJLIS ILMU 2025
نكارا دناناي دغن صدقه
Negara Ditanai Dengan Sedekah


دارالسلام ك-٧٩ تاهون
MAJLIS ILMU 2025
نكارا دناناي دغن صدقه
Negara Ditanai Dengan Sedekah


NEGARA DITANAI DENGAN
Sedekah
THE COUNTRY IS UPHELD WITH CHARITY
Dengan Sedekah


NEGARA DITANAI DENGAN
Sedekah
THE COUNTRY IS UPHELD WITH CHARITY
NEGARA DITANAI DENGAN
Sedekah
THE COUNTRY IS UPHELD WITH CHARITY


DST
Menderma k
Amal Bantua
PENCAPAIAN
IHSA


BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM (BIBD)
EXIT


CPKPCBL


SEDEKAH ASAS KEBAIKAN, KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN


Orientasi:
Sukarelawan
EXIT
INSTITUSI PENGA


SEDEKAH
DEFINISI SEDEKAH
KONSEP SEDEKAH
JENIS SEDEKAH
SEDEKAH WAJIB
ZAKAT
KAFARAH
NAZAR
SEDEKAH SUNAT
SYARAT SEDEKAH
PEMBERI SEDEKAH
PENERIMA SEDEKAH
BARANG YANG DISEDEKAHKAN
ASPIRASI
KETOKOHAN PEMIMPIN
MENANAI KESEJAHTERAAN SOSIAL
HURAIAN
TEMA MAJLIS (UMU) 2025
NEGARA DITANAI DENGAN SEDEKAH




MAHLIS ILMU 2023
نكارا دتاناي دغن صدقه
Negara Ditanai Dengan Sedekah



Gambar-gambar Ristaan Forum Perdana Majlis Ilmu 2025










itanai Dengan Sedekah


OBJEKTIF
PENCAPAIAN
MISI



Gambar-gambar Ristaan
Ceramah Perdana
Majlis Ilmu 2025

MAJLIS ILMU 2025

Sempena Keberangkatan
Pada Ceramah Perdana Majlis Ilmu 2025



Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab Rahaman

D.K., The Order of the Kawkab Al-Urdani (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands)

سمڤنا سبوتن ڤراياءن هاري كڤوتراءن
كاوه دولي يغمها مليا ڤادك سري بكندا سلطان دان يغدڤرتوان
نكارا بروني دارالسلام ك-٧٩ تاهون

Selasa, 8 Rabiulakhir 1447H bersamaan 30 September 2025M










TABUNG-TABUNG DI BAWAH KAWALAN JAPEM




سمبوتن قرايا٤ن هاري كفوترا٤ن
كباوه دولي يغمها مليا قادك سري بكندا
يغدقرتوان نكارا بروني دارالسلام ك- ٧٩ تاهون
MAJLIS ILMU 2025



Senarai Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu 2026



Penasihat Bersama

Yang Amat Mulia
Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin
Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar
Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara

Yang Berhormat
Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri
Awang Haji Halbi bin Haji Mohd Yussof
Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara;
Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman
Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Berhormat
Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz
Awang Haji Abdul Aziz bin Juned
Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Pengerusi Bersama

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Urustadbir Perkhidmatan Awam)

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Sekuriti dan Undang-Undang)

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran)

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah
Menteri Kewangan II

Yang Berhormat
Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II

Yang Berhormat
Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan
Menteri Hal Ehwal Ugama

Yang Berhormat
Datin Seri Setia Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh
Menteri Pendidikan

Yang Berhormat
Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha
Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Berhormat
Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Muhammed Taib
Peguam Negara

Timbalan Pengerusi Bersama

Yang Mulia
Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani
Timbalan Menteri Kewangan

Yang Mulia
Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab
Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri

Yang Mulia
Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak
Timbalan Menteri Pembangunan

Yang Mulia
Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal
Timbalan Menteri Pendidikan

Yang Mulia
Dato Seri Paduka Awang Haji Hamidon bin Haji Ibrahim
Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

Setiausaha Bersama

Yang Mulia
Dr. Awang Haji Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad
Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Awang Ajman bin Haji Meludin
Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan
Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad
Setiausaha Tetap (Fiskal) Kementerian Kewangan

Yang Mulia
Awang Haji Muhamad Fakhri bin Haji Md Taib
Setiausaha Tetap (Protokol, Pentadbiran dan Kewangan)
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Yang Mulia
Awang Salminan bin Haji Burut
Setiausaha Tetap (Kesejahteraan Masyarakat)
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia
Dr. Dayang Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin
Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman
Setiausaha Tetap
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Ahli-Ahli

Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan
Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf
Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin
Timbalan Mufti Kerajaan
Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani
Rektor
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Dayang Hajah Farida binti Dato Seri Paduka Haji Talib
Setiausaha Tetap (Tenaga)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari
Setiausaha Tetap (Wawasan)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad
Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Pengiran Hajah Adimasyaton binti Pengiran Omar Ali
Setiausaha Tetap (Tenaga, Huluan dan Hiliran)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Pengiran Datin Paduka Shazainah binti Pengiran Dato Paduka Shariffuddin
Setiausaha Tetap (Perancangan Dasar)
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Yang Mulia
Pengiran Norhashimah binti Pengiran Mohd Hassan
Setiausaha Tetap (Politik dan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa)
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Yang Mulia
Dayang Hajah Johariah binti Haji Abdul Wahab
Setiausaha Tetap (ASEAN)
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Yang Mulia
Awang Abdul Walid bin Haji Matassan
Setiausaha Tetap (Pengurusan Strategik, Dasar dan Korporat)
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia
Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon
Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Perundangan)
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia
Dayang Siti Norashikin binti Mohammad Salleh
Setiausaha Tetap (Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia)
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia
Pengiran Hajah Siti Nirmala binti Pengiran Haji Mohammad
Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia
Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar
Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan

Yang Mulia
Dr. Chin Wei Keh
Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan

Yang Mulia
Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali
Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dr. Awang Hazri bin Haji Kifle
Naib Canselor
Universiti Brunei Darussalam Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Profesor Madya Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra
Naib Canselor
Universiti Teknologi Brunei Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Dr. Awang Haji Arman bin Haji Asmad
Ra'es
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra
Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dayang Hajah Aldila binti Haji Mohamad Salleh
Timbalan Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang)
Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Awang Haji Mohd Yusra bin Haji Mohd Salleh
Timbalan Setiausaha Tetap (Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa)
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Yang Mulia
Dayang Hajah Mardiana binti Haji Omar
Timbalan Setiausaha Tetap (Politik)
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Yang Mulia
Awang Haji Shamshol bin Haji Omar
Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan)
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Yang Mulia
Dr. Dayang Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Dr. Awang Eddy Fadzlin bin Haji Amdan
Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Pendidikan

Yang Mulia
Dr. Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah
Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan)
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mazanan bin Haji Yusof
Penolong Mufti (Buhuth)
Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Dennie bin Haji Abdullah
Penolong Mufti (Ifta')
Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri

Yang Mulia
Ketua Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB)
Kementerian Pendidikan

Urusetia Bersama

Jabatan Perdana Menteri
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Kementerian Kewangan
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Kementerian Pendidikan
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Jabatan Mufti Kerajaan

Disokong oleh

Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja (MTMIB)

NOTA

NOTA

NOTA


جابتن قرغن جابتن قولن منتري
فرلاا بروني دارالسلام